

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**JABATAN SENIBINA DALAMAN**  
**NOVEMBER 2005-APRIL 2006**

**Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan**

**oleh:**

**AZMAN BIN MUSIRI**

**2001329117**

**bertajuk**

**LAPORAN**

**CADANGAN REKABENTUK DALAMAN**

**JETI PENUMPANG SYARIKAT PARAMESWARA RIVER TOUR**

**BERALAMAT THE GUDANG MELAKA, NO. 4, JALAN QUAYSIDE,**

**KAWASAN BANDAR XXIV, DAERAH MELAKA TENGAH, 75300 MELAKA**

**Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi**

**Diploma Rekabentuk Dalaman**

Penyelia	:	CIK WAN HAFIZAYATI BINTI WAN HASSAN	_____
Koordinator	:-	CIK MAWAR BINTI MASRI	_____
Koordinator Program	:-	PROFESOR MADYA RUSNI BIN GHANI	_____

## **PENGHARGAAN**

Dengan penuh rasa syukur di atas izin dan rahmat-Nya, laporan projek akhir dapat disiapkan dan disempurnakan.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada ibu bapa dan keluarga di atas pengorbanan dan dorongan yang tidak ternilai di dalam menjayakan projek ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah Jabatan Rekabentuk Dalaman terutamanya Cik Mawar Binti Masri dan Cik Wan Hafizayati Binti Wan Hassan selaku koordinator dan penyelia tesis yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada rakan perjuangan serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang sedia membantu dan bekerjasama dalam memberi maklumat yang diperlukan. Jasa baik kalian tetap dikenang sepanjang zaman.

## **ABSTRAK**

Tujuan tesis akhir ini dibuat bagi menganalisa dan ilmiah untuk projek akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Tajuk projek yang adalah Cadangan Rekabentuk Dalaman bagi 'Parameswara River Tour' beralamat 'The Gudang Melaka', No. 4, Jalan Quayside, Kawasan Bandar XXIV, Daerah Melaka Tengah, 75300 Melaka.

Dalam proses tugas tesis ini, pelbagai protokol dan dan maklumat perlu diperolehi. Pelbagai faktor telah diambilkira terutamanya dari segi ruang dalaman serta persekitarannya. Langkah pertama yang dijalankan adalah mengumpul seberapa banyak maklumat yang mungkin mengenai tapak lokasi, projek cadangan, klien dan masalah yang dihadapi.

Selain itu, ia bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang timbul sewaktu menyiapkan projek tersebut. Masalah akan diselesaikan secara terperinci dari bahagian bumbung ke lantai. Kajian juga penting, di mana ia berhubungkait dengan projek yang dijalankan.

Oleh yang demikian, satu perancangan untuk merekabentuk ruang yang baru akan dijalankan. Kesemua aspek dinilai untuk mewujudkan suasana yang sesuai dengan projek ini. Keperluan dan kehendak pengguna juga diambilkira sepenuhnya supaya ia tidak bercanggah dengan permintaan klien. Faktor psikologi akan diambilkira bagi menghidupkan keadaan persekitaran yang berkesan dari segi imej dan idea.

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>
<b>1.1</b>	<b>PENGENALAN KAJIAN</b>
1.1.1	MATLAMAT 01
1.1.2	OBJEKTIF 01
1.1.3	METODOLOGI 02
<b>1.2</b>	<b>KLIEN</b>
1.2.1	LATARBELAKANG KLIEN
1.2.1.1	Sejarah 05
1.2.1.2	Alamat 06
1.2.2	CARTA ORGANISASI 07
<b>BAB 2.0</b>	<b>PROJEK</b>
<b>2.1</b>	<b>PENGENALAN PROJEK</b>
2.1.1	KEHENDAK KLIEN 08
2.1.1.1	Keperluan Ruang 08
<b>2.2</b>	<b>KAJIAN KES</b>
2.2.1	KAJIAN KES 1 09
2.2.1.1	Rekabentuk Dalaman 10
2.2.1.2	Senibina / Fasad 10
2.2.1.3	Kemudahan-Kemudahan Sedia Ada 10
2.2.2	KAJIAN KES 2 13
2.2.2.1	Rekabentuk Dalaman 14
2.2.2.2	Senibina / Fasad 14
2.2.2.3	Kemudahan-Kemudahan Sedia Ada 14
2.2.3	KAJIAN KES 3 16

---

## **1.1 PENGENALAN KAJIAN**

### **1.1.1 MATLAMAT**

Kajian ini dijalankan bagi cadangan merekabentuk dalaman baru untuk Jeti Penumpang Syarikat 'Parameswara River Tour'. Memandangkan lokasi tapak terletak di Banda Hilir, Melaka iaitu pusat tumpuan pelancong, satu bangunan baru perlu ditubuhkan. Ia bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan laut yang efisien serta menampilkan imej yang dapat menarik pelancong menggunakan perkhidmatan ini. Selain itu, ia turut menyumbang kepada peningkatan kedatangan pelancong ke negeri Melaka.

### **1.1.2 OBJEKTIF**

Terdapat beberapa objektif bagi menjalankan Projek Cadangan Rekabentuk Dalaman Jeti Penumpang Syarikat 'Parameswara River Tour'. Objektif utama adalah menyelesaikan masalah sedia ada yang dihadapi oleh syarikat. Selain itu, jeti ini perlu memastikan keselesaan dan keperluan pengguna diutamakan dan berada ditahap yang memuaskan. Tidak ketinggalan juga, satu rekabentuk dalaman yang menarik perlu diaplikasikan sebagai daya tarikan pelancong untuk menggunakan perkhidmatan laut ini. Walaubagaimanapun, persekitaran kerja yang tenang perlu diwujudkan bagi membolehkan urusan perniagaan berjalan dengan lebih sistematik dan efisien.